

# Wakil rakyat Pemuda UMNO gagal tunai tanggungjawab digugurkan – Hishammuddin

Um - 7/2/2007

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Wakil rakyat daripada kalangan Pergerakan Pemuda UMNO yang gagal menunaikan tanggungjawab mereka akan digugurkan pada pilihan raya umum akan datang.

Peringatan itu dinyatakan oleh ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein bahawa, beliau tidak akan mempertahankan wakil rakyat terbabit malah akan menyokong segala tindakan yang dikenakan ke atas mereka.

Malah katanya, tempat wakil rakyat terbabit akan diisi oleh calon Pemuda UMNO yang lebih berwibawa dan dinamik bagi memastikan usaha membela rakyat tidak terjejas hanya disebabkan sikap negatif wakil rakyat terbabit.

“Pada pilihan raya umum akan datang kita tidak akan meminta tambahan kerusi kerana bagi kami pucuk pimpinan telah memberikan ruang yang seluas-luasnya kepada Pemuda UMNO untuk bertanding.

“Apa yang perlu kita lihat ialah keberkesanan calon Pemuda UMNO sebagai wakil rakyat. Jika mereka tidak jalankan tanggungjawab jangan harap kami akan mempertahankan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Pemuda UMNO di Menara Datuk Onn, di sini, hari ini.

Dalam pada itu, Hishammuddin berkata,

jentera pergerakan tersebut telah digerakkan ke peringkat bahagian dan cawangan bagi memastikan 150,000 ahlinya yang masih belum berdaftar, didaftarkan sebagai pemilih.

Ujar beliau, langkah itu penting kerana pihaknya tidak mahu mereka yang layak mengundi tidak menunaikan tanggungjawab sebagai pemilih.

“Kita menetapkan usaha kita ini dapat dijalankan dengan baik. Mesyuarat hari ini telah menetapkan program ini akan dijalankan sehingga Jun ini. 150,000 bukan jumlah yang kecil dan kita perlu memastikan mereka berdaftar sebagai pemilih,” jelasnya.